



**Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad** (200601015674)  
(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

# Allianz Bike Warrior

Polisi



# POLISI BIKE WARRIOR

**BAHAWASANYA** Pihak Diinsuranskan dijelaskan dalam **Jadual** bersama-sama ini (kemudian dari ini dirujuk sebagai "Pihak Diinsuranskan") melalui cadangan dan pengisytiharan (bertarikh seperti yang disebutkan dalam **Jadual**) yang hendaklah dijadikan asas kontrak ini dan disifatkan telah digabungkan di dalam ini telah memohon kepada pihak **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)** (kemudian dari ini dirujuk sebagai "Syarikat") untuk mendapatkan Insurans yang terkandung disini dengan membayar atau telah bersetuju untuk membayar premium yang disenaraikan dalam **Jadual** sebagai pertimbangan bagi Insurans tersebut.

Walaupun berdasarkan sebarang peruntukan di dalam Polisi ini, asas kontrak di atas adalah tidak terpakai kepada Pihak Diinsuranskan yang merupakan seorang individu yang membuat, mengubah atau memperbaharui kontrak insurans **sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion pihak diinsuranskan.**

**POLISI INI SEKARANG MENJADI SAKSI** bahawa jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam **Jadual** ini, Pihak Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** atau penunggang dan/atau pembonceng, dengan kebenaran dari Pihak Diinsuranskan, sedang menunggang atau berada sebagai penumpang yang menaiki atau turun dari kenderaan yang disebutkan dalam **Jadual** (kemudian dari ini disebut "Kenderaan Dinamakan"), akan mengalami kecederaan yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh punca-punca kemalangan, **Maka** Syarikat perlu membayar jumlah atau jumlah-jumlah wang yang dinyatakan dalam **Jadual** dan menurut faedah-faedah Polisi ini tertakluk seperti biasa kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang terkandung selanjutnya dari ini.

## PENGECUALIAN AM

**Polisi ini tidak memberikan perlindungan dalam keadaan berikut:**

- Untuk kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagiannya, oleh:
  - Jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang akan berlaku melalui luka yang tidak disengajakan);
  - Sebarang jenis penyakit yang lain; dan
  - Rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali rawatan seumpama ini yang diperlukan semata-mata oleh kecederaan yang dilindungi oleh Polisi ini dan rawatan dijalankan dalam masa yang diperuntukkan oleh Polisi ini);
- Sebarang kecederaan anggota yang mengakibatkan penyakit hernia;
- Perbuatan membunuh diri atau percubaan untuk melakukannya;
- Kerugian yang disebabkan oleh peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan, atau kegiatan-kegiatan seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), dahagi, perang saudara, revolusi, pemberontakan, konspirasi, ketenteraan atau perebutan kuasa, undang-undang ketenteraan, atau pengepungan tentera, atau kejadian atau punca yang menentukan pengisytiharan atau penyelenggaraan atau kecemasan tentera atau keadaan perang, rampasan, kuarantin atau peraturan-peraturan kastam atau nasionalisasi oleh atau atas perintah mana-mana kerajaan atau penguasa awam atau tempatan, senjata atau instrumen menggunakan fisi atom atau kuasa radioaktif, sama ada dalam masa aman atau perang. Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal harus, jika perlu, dan sebagai prasyarat untuk setiap liabiliti Syarikat, membuktikan bahawa kerugian tidak dengan cara apapun timbul dalam apa segi pun melalui mana-mana salah satu keadaan yang dikecualikan di atas;
- Ketika Kenderaan Dinamakan digunakan untuk penyewaan, perlumbaan, lumba lari jalan raya, pacemaking, ujian kelajuan atau untuk sebarang tujuan berkaitan dengan perdagangan motor;

- Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal tidak memiliki lesen memandu motosikal yang sah untuk memandu Kenderaan Dinamakan atau tidak memenuhi syarat untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu motosikal di bawah peraturan-peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Raya Malaysia atau Mahkamah Undang-Undang. Semua faedah berdasarkan Polisi ini tidak boleh diguna pakai untuk pembonceng motosikal di atas Kenderaan Dinamakan ketika Kenderaan Dinamakan tersebut sedang ditunggang oleh Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal tersebut. Dengan syarat pengecualian ini tidak terpakai jika Pihak Diinsuranskan mempunyai lesen memandu tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu itu di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Raya Malaysia atau mana-mana undang-undang yang berkaitan;
- Jika jumlah sebenar pembonceng motosikal pada masa kerugian tidak selaras dengan keupayaan membawa yang dibenarkan seperti dikehendaki oleh undang-undang, tertakluk kepada Peruntukan Khas 4;
- Ketika Kenderaan Dinamakan digunakan sebagai pengangkutan awam tanpa lesen dalam sesuatu perniagaan haram;
- Kelahiran atau keguguran atau tidak siaman disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh punca-punca kemalangan ke atas Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal semasa menunggang, berada di atas, turun daripada atau menaiki Kenderaan Dinamakan;
- Untuk sesiapa sahaja yang berumur di bawah Lima Belas (15) hari dan melebihi Lapan Puluh (80) tahun;
- Ketika Pihak Diinsuranskan/penunggang sedang berada di bawah pengaruh dadah atau sebarang bahan lain yang boleh menyebabkan penyalahgunaan selain daripada bahan yang ditetapkan oleh Pengamal Perubatan tetapi mengecualikan rawatan ketagihan dadah;
- Ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan haram;
- Kerosakan pada keseluruhan bahagian Kenderaan Dinamakan;
- Kerosakan bentuk dan lusuh kerosakan pada Kenderaan Dinamakan; dan
- Kerosakan lain ke atas Kenderaan Dinamakan, selain daripada yang disebabkan secara langsung boleh banjir.

Pengecualian-pengecualian di atas tidak akan terjejas oleh sokongan yang tidak secara khusus merujuk kepada perkara itu, secara keseluruhan atau sebahagian.

## FAEDAH-FAEDAH

### SEKSYEN 1 – FAEDAH KEMALANGAN DIRI

#### (A) FAEDAH KEMATIAN/HILANG UPAYA KEKAL

Dalam kejadian kecederaan mengakibatkan kematian ke atas Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal dalam Kenderaan Dinamakan di dalam masa tiga ratus enam puluh lima (365) hari daripada tarikh kemalangan, Syarikat akan membayar sehingga had yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.

Apabila kecederaan tidak mengakibatkan kematian ke atas Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal di atas Kenderaan Dinamakan di dalam masa tiga ratus enam puluh lima (365) hari daripada tarikh kemalangan, tetapi tidak mengakibatkan sebarang daripada kerugian salah satu berikut di dalam masa tiga ratus enam puluh lima (365) hari, Syarikat akan membayar sehingga had yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk:

- Hilang kedua-dua belah tangan atau kaki
- Hilang penglihatan kedua-dua belah mata
- Hilang sebelah mata dan sebelah tangan
- Hilang sebelah mata dan sebelah kaki
- Lumpuh menyeluruh (dari leher ke bawah)

- Kuadraplegia kekal (kehilangan atau kehilangan menyeluruh kedua-dua belah tangan dan Kaki)
- Hilang sebelah kaki atau sebelah tangan
- Hilang penglihatan sebelah mata
- Tidak siaman
- Hilang empat jari dan ibu jari sebelah tangan
- Hilang pendengaran di kedua-dua belah telinga
- Hilang semua jari kaki
- Hilang daya bertutur

Hilang menyeluruh kekal penggunaan anggota badan akan dikira sebagai kehilangan suatu anggota badan. Hilang Daya Bertutur akan dianggap sebagai ketidakupayaan kekal menyeluruh untuk berkomunikasi secara lisan.

Kehilangan penglihatan mata bermaksud kehilangan keseluruhan daya penglihatan dan tidak dapat dipulihkan.

Agregat bagi semua peratus yang boleh dibayar bagi mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% daripada Jumlah Diinsuranskan yang ditetapkan dalam **Jadual** bagi mana-mana satu orang di bawah Bahagian ini.

#### (B) FAEDAH BELANJA PERUBATAN

Dalam kejadian berlaku kecederaan ke atas Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal akibat kemalangan kepada Kenderaan Dinamakan itu, Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal memerlukan rawatan doktor atau pakar bedah yang berkelulusan secara sah, dimasukkan ke hospital atau dijaga oleh seorang jururawat yang berlesen atau bertauliah, Syarikat akan membayar kos perbelanjaan sebenar yang di kenakan untuk rawatan, caj hospital dan yuran jururawat sehingga had yang ditetapkan di dalam **Jadual** setiap orang akibat daripada mana-mana satu kemalangan.

#### (C) FAEDAH PERKABUNGAN

Dalam kejadian berlaku kecederaan kemalangan yang mengakibatkan kematian ke atas Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau penumpang dalam Kenderaan Dinamakan itu, wakil peribadi guaman si mati akan menerima faedah kematian sehingga had yang telah ditetapkan sebagaimana dinyatakan di dalam **Jadual** setelah penyerahan dokumen-dokumen yang diperlukan. Elaun faedah perkabungan ini akan dibayar sebagai tambahan kepada Faedah Kematian.

#### (D) FAEDAH PAMPASAN BERGANDA

Apabila berlaku kecederaan sebab kemalangan yang mengakibatkan sama ada kuadraplegia kekal, lumpuh menyeluruh kekal dari leher ke bawah atau kematian Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal semasa dalam Kenderaan Dinamakan itu dan kemalangan berlaku sewaktu cuti umum seluruh negara, maka perlindungan untuk Kematian/Hilang Upaya Kekal akan digandakan.

#### (E) FAEDAH PEMBEDAHAN PEMBETULAN KOSMETIK

Syarikat akan membayar balik kepada Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal sehingga jumlah yang ditentukan dalam **Jadual** bagi kos yang dikeluarkan oleh Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal untuk melakukan pembedahan kecederaan bahagian leher atau kepala Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal akibat kemalangan dalam Kenderaan Dinamakan dengan syarat:

1. Pembedahan pembedahan kosmetik itu dicadangkan oleh seorang pakar ortodontik atau pakar bedah kosmetik yang berlesen; dan
2. Pembedahan pembedahan kosmetik itu dijalankan oleh seorang pakar ortodontik atau pakar bedah kosmetik yang berlesen.

#### (F) FAEDAH PENDAPATAN HOSPITAL

Syarikat akan membayar kepada Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal faedah harian seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**, bagi setiap hari Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal dirawat di hospital akibat kemalangan semasa dalam Kenderaan Dinamakan sehingga maksimum enam puluh (60) hari.

Faedah ini akan dibayar hanya jika Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal dirawat di hospital selama lebih dari dua puluh empat (24) jam akibat kemalangan semasa dalam Kenderaan Dinamakan. Hospital bererti hospital awam atau swasta/pusat perubatan yang beroperasi secara sah dan mempunyai bilik dan penginapan dan menyediakan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam.

#### (G) BONUS PEMBAHARUAN

Bonus Pembaharuan bermaksud ganjaran diberikan untuk tidak adanya tuntutan pada Polisi ini di dalam Tempoh Insurans. Di bawah faedah Bonus Pembaharuan, Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan meningkat sebanyak sepuluh peratus (10%) pada setiap tahun tertakluk kepada peningkatan agregat maksimum lima puluh peratus (50%).

Tertakluk kepada peruntukan Polisi ini, Bonus Pembaharuan akan dibayar kepada Pihak Diinsuranskan atau wakil peribadi guaman Pihak Diinsuranskan disamping bayaran Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan atau bahagian tersebut daripadanya dibayar berhubung dengan tuntutan yang dibuat menurut Polisi ini.

Pembayaran Bonus Pembaharuan selain Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan hanya akan layak di bawah faedah Kematian/Hilang Upaya Kekal atau faedah Tanggung Rugi Berganda. Dalam hal tuntutan yang telah dibuat di bawah faedah Kematian/Hilang Upaya Kekal atau faedah Tanggung Rugi Berganda Polisi ini, setiap akumulasi Bonus Pembaharuan akan lupus dan perhitungan untuk Bonus Pembaharuan di masa mendatang akan dikira semula dari tarikh pembaharuan Polisi ini berikutnya.

## SEKSYEN 2 – FAEDAH PROGRAM BANTUAN MOTOSIKAL

Polisi ini memberi hak kepada Pihak Diinsuranskan untuk mendapat faedah Program Bantuan Motosikal yang disediakan oleh pihak Syarikat, dua puluh empat (24) jam sehari, tiga ratus enam puluh lima (365) hari setahun, di mana sahaja di Malaysia. Perkhidmatan hanya akan diberikan kepada Kenderaan Dinamakan yang dinyatakan di dalam **Jadual** sekiranya terjadi kemalangan kepada Kenderaan Dinamakan di dalam Tempoh Insurans. Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal boleh membuat panggilan ke nombor Talian Bebas 24 Jam **1 800 22 5542** atau Talian Tempatan **603 2264 0560** untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

#### (A) KHIDMAT TUNDA KECEMASAN 24-JAM

Jika Kenderaan Dinamakan rosak dan tidak mungkin untuk memperbaiki Kenderaan Dinamakan di tepi jalan, Syarikat atau pembekal perkhidmatan akan membantu untuk menunda Kenderaan Dinamakan sehingga enam ratus (600) km (dua hala oleh kereta tunda). Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal hanya akan dikenakan bayaran kos tunda tambahan jika perjalanan dua hala melebihi enam ratus (600) km. Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal diberikan fleksibiliti penuh ke mana Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal ingin Kenderaan Dinamakan ditunda, kembali ke rumah Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal atau ke bengkel pilihan Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal. Tambahan kos penunda adalah sekitar RM1.50 per km (dua hala). Namun, kos penunda boleh berubah mengikut kadar pasaran.

## HAD WILAYAH

Perkhidmatan tunda kecemasan dua puluh empat (24) jam boleh didapati sekiranya Kenderaan Dinamakan untuk ditunda di mana sahaja di Semenanjung Malaysia tidak termasuk Kepulauan kecuali Pulau Pinang dan Pulau Langkawi. Di Malaysia Timur, perkhidmatan tunda boleh di dapati dalam radius dua puluh lima (25) km dari Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Sibiu, Bintulu, Miri, Kuching dan Labuan.

### (B) PEMBAIKAN KEROSAKAN KECIL KERETA DI TEPI JALAN

Syarikat atau pembekal perkhidmatan akan mengatur dan membayar kos tenaga kerja untuk pembaikan di tepi jalan sehingga kerja maksimum dua (2) jam untuk setiap kejadian.

Syarikat atau pembekal perkhidmatan tidak akan bertanggungjawab atas segala kos yang dikeluarkan untuk alat ganti yang diperlukan semasa Pembaikan Kecil Kereta Di Tepi Jalan.

### (C) BANTUAN TEKSI DAN KERETA SEWA

Dalam kejadian kerosakan yang melibatkan Kenderaan Dinamakan dan Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal memerlukan teksi atau kereta sewa, Syarikat atau pembekal perkhidmatan akan merujuk dan membantu Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal untuk mendapatkan khidmat teksi atau kereta sewa. Perkhidmatan harus mendapat pra-kelulusan dari pihak Syarikat atau pembekal perkhidmatan untuk memenuhi kelayakan bagi bayaran balik.

Dalam perkhidmatan ini, Pihak Diinsuranskan/penunggang akan dibayar balik sehingga maksimum:

Teksi	Sehingga RM60.00
Kereta Sewa	Sehingga RM400.00

Resit asal harus diserahkan kepada Syarikat atau pembekal perkhidmatan untuk mendapatkan bayaran balik. Untuk Kereta Sewa, Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal layak untuk mendapatkan pembayaran balik hanya sekiranya Kenderaan Dinamakan terkandas seratus (100) km dari rumahnya di Malaysia dan pembaikan akan mengambil masa lebih dari empat puluh lapan (48) jam. Bayaran balik terhad sehingga tiga (3) kali dalam setahun.

### (D) MENGATURKAN PENGINAPAN HOTEL

Dalam kejadian Kenderaan Dinamakan dan Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal memerlukan penginapan hotel, Syarikat atau pembekal perkhidmatan akan membantu Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal dalam mengaturkan tempahan hotel.

Bayaran balik untuk penginapan hotel sehingga RM400.00. Setiap bayaran tambahan yang dikeluarkan bagi hotel harus ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal. Perkhidmatan harus mendapat pra-kelulusan dari pihak Syarikat atau pembekal perkhidmatan untuk memenuhi kelayakan bagi bayaran balik.

Dalam perkhidmatan ini, Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal akan dibayar balik sehingga maksimum:

Penginapan Hotel	Sehingga RM400.00
------------------	-------------------

Resit asal harus diserahkan kepada Syarikat atau pembekal perkhidmatan untuk mendapatkan bayaran balik. Untuk Penginapan Hotel, Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal layak untuk mendapatkan pembayaran balik hanya sekiranya Kenderaan Dinamakan terkandas seratus (100) km dari rumahnya di Malaysia dan pembaikan akan mengambil masa lebih dari empat puluh lapan (48) jam. Bayaran balik terhad sehingga tiga (3) kali dalam setahun.

### (E) MENGATURKAN EVAKUASI KECEMASAN

Sekiranya perubatan kecemasan diperlukan akibat kerosakan atau kemalangan, Syarikat atau pembekal perkhidmatan akan mengaturkan ambulans atau alat pengangkutan lain untuk menghantar Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal ke pusat kesihatan atau hospital yang berdekatan. Semua kos yang dikeluarkan harus ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan /atau pembonceng motosikal.

### (F) RUJUKAN PUSAT SERVIS

Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal boleh menghubungi Syarikat atau pembekal perkhidmatan untuk mengaturkan rujukan untuk pusat pembaikan dan servis terdekat bagi tujuan pembaikan kereta atau servis. Syarikat atau pembekal perkhidmatan juga akan mengaturkan temu janji untuk Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal jika diperlukan. Semua kos yang dikeluarkan harus ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal.

### (G) PENGHANTARAN MESEJ KECEMASAN

Dalam keadaan kecemasan akibat kerosakan atau kemalangan melibatkan Kenderaan Dinamakan, Syarikat atau pembekal perkhidmatan bertanggungjawab untuk menghubungi keluarga Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan memberitahu tentang keadaan Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal kepada keluarga Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal jika Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal meminta berbuat demikian. Faedah ini hanya layak untuk Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal.

## SEKSYEN 3 – FAEDAH-FAEDAH TAMBAHAN

### (A) PERLINDUNGAN BELAS KASIHAN

Dalam kejadian kerugian menyeluruh atau tuntutan kecurian ke atas Kenderaan Dinamakan itu, Pihak Diinsuranskan akan menerima jumlah yang setara dengan 10% dari Jumlah Diinsuranskan, tertakluk kepada maksimum seperti dinyatakan di dalam **Jadual**.

### (B) PERLINDUNGAN EHSAN AKIBAT BANJIR

Dalam kejadian kerosakan akibat banjir ke atas Kenderaan Dinamakan, Syarikat akan membayar kepada Pihak Diinsuranskan kos sebenar yang terjadi sehingga jumlah ditentukan dalam **Jadual** bagi setiap kejadian. Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal harus memberikan kepada Syarikat salinan laporan polis bagi insiden banjir, resit asal untuk perbelanjaan yang dikeluarkan dan foto-foto Kenderaan Dinamakan sebelum dan selepas pembaikan.

## PENGECUALIAN UNTUK SEKSYEN 2 – FAEDAH PROGRAM BANTUAN MOTOSIKAL

Syarikat atau pembekal perkhidmatan tidak akan menyediakan perkhidmatan di bawah keadaan berikut:

1. Perkhidmatan yang tidak dikendalikan secara langsung atau mempunyai prakelulusan oleh Syarikat atau pembekal perkhidmatan;
2. Memunda sekiranya belaku kemalangan;
3. Jika Kenderaan Dinamakan sedang atau telah diubahsuai untuk

penyertaan dalam lumba litar atau perlumbaan atau telah diubahsuai dan melanggar undang-undang kerajaan;

4. Syarat-syarat perkhidmatan di luar had wilayah yang ditetapkan;
5. Kegagalan Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng Kenderaan Dinamakan mengambil tindakan pencegahan atau mematuhi amaran-amaran melalui media massa tentang apa-apa mogok, rusuhan atau kekecohan awam;
6. Sebarang tindakan yang menyalahi atau melanggar undang-undang oleh Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal Kenderaan Dinamakan untuk tujuan yang melanggar atau menyalahi undang-undang;
7. Jika Kenderaan Dinamakan digunakan sebagai kenderaan perdagangan;
8. Apabila kunci kenderaan tidak dapat dijumpai;
9. Apabila tiada bahagian mekanikal dalam Kenderaan Dinamakan seperti tiada enjin atau transmisi;
10. Menunda Kenderaan Dinamakan dengan tujuan membuang Kenderaan Dinamakan;
11. Menunda Kenderaan Dinamakan dengan tujuan memindahkan Kenderaan Dinamakan dari satu bengkel ke bengkel yang lain;
12. Tiada pelekat cukai jalan pada Kenderaan Dinamakan;
13. Menunda Kenderaan Dinamakan yang dicuri tetapi telah ditemui, yang ditinggalkan atau kerana vandalisme;
14. Kenderaan Dinamakan yang telah dibongkar seluruhnya atau sebahagian di bengkel;
15. Menunda Kenderaan Dinamakan yang nombor pendaftarannya tidak sama dengan nombor yang berdaftar dengan Syarikat atau pembekal perkhidmatan;
16. Jika Kenderaan Dinamakan mengalami kerosakan mekanikal dan tersadai di permukaan jalan yang tidak berturap atau selain daripada jalan raya dari sistem jalan raya Malaysia; dan
17. Jika Kenderaan Dinamakan memerlukan penggunaan peralatan khusus ketika pembaikan.

## PROVISO – PROVISO KHAS

1. Faedah Kematian dan Hilang Upaya Kekal diperluas untuk melindungi Pihak Diinsuranskan yang dinamakan dalam **Jadual** dua puluh empat (24) jam sehari, tanpa mengira sama ada beliau berada di dalam Kenderaan Dinamakan atau tidak. Namun, perlindungan tersebut tidak akan dikuatkuasakan jika kematian atau hilang upaya kekal berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berhubung dengan pembunuhan yang bangkit daripada kemarahan atau serangan, ketika berada di dalam pesawat sebagai ahli kakitangan, kecuali hanya sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat berlesen untuk perkhidmatan penumpang, ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang kegiatan yang melanggar undang-undang, ketika mengambil bahagian dalam sukan profesional, seni mempertahankan diri atau tinju, kegiatan-kegiatan udara termasuk payung terjun, meluncur gantung, kegiatan-kegiatan bawah air melebihi kedalaman lima puluh (50) meter, pendakian gunung yang melibatkan penggunaan tali atau panduan mekanikal, perlumbaan (selain berjalan kaki), pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif, bahan senjata-senjata nuklear, menunggang motosikal tanpa lesen yang sah (dengan syarat pengecualian ini tidak terpakai jika Pihak Diinsuranskan mempunyai lesen memandu tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu itu di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Raya Malaysia atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan).
2. Pampasan harian di bawah Faedah Pendapatan Hospital dibayar hanya jika Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal dirawat di hospital dalam masa dua puluh (20) hari dari tarikh kemalangan. Tempoh

maksimum pampasan untuk setiap insiden kemalangan adalah enam puluh (60) hari. Tempoh penginapan berturut-turut di hospital atas sebab yang sama akan diambil kira sebagai insiden kemalangan.

3. Pampasan di bawah Faedah Belanja Perubatan dibayar hanya jika rawatan perubatan tersebut diberikan oleh Pengamal Perubatan yang bertauliah dalam masa dua puluh enam (26) minggu dari tarikh kemalangan, dengan syarat perbelanjaan perubatan pertama terjadi dalam masa dua puluh (20) hari dari tarikh kemalangan. Syarikat akan menggantikan kos yang sebenar, perlu dan yang wajar sehingga maksimum seperti yang dipaparkan dalam **Jadual** bagi setiap insiden kemalangan.
4. Dalam kejadian bahawa sekiranya bilangan sebenar pembonceng melebihi bilangan yang dinyatakan di dalam **Jadual** Polisi ini, had liabiliti Syarikat bagi setiap orang akan dikurangkan mengikut nisbah bilangan sebenar pembonceng dengan bilangan pembonceng motosikal yang diisytiharkan. Had limitasi ini tidak boleh diguna pakai untuk Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal.
5. Pembonceng motosikal berumur lima belas (15) hari ke lima belas (15) tahun berhak mendapat 50% dari semua faedah yang diberikan di sini.

## SYARAT - SYARAT

Polisi dan **Jadual** harus dibaca bersama sebagai satu kontrak dan kata atau ungkapan yang mempunyai makna khusus yang diselitkan di bahagian mana-mana dari Polisi ini atau daripada **Jadual** akan mempunyai maksud tertentu di mana-mana mungkin muncul.

1. Kenderaan Diinsuranskan mesti dilindungi dibawah Polisi Motorsikal Komprehensif Persendirian untuk layak mendapat faedah dan perkhidmatan.
2. Permatuhan and pemenuhan terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini hanya mereka berkaitan dengan apa yang harus dilakukan atau tidak dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan atau wakil peribadi guamannya adalah prasyarat untuk setiap liability Syarikat untuk membuat bayaran berdasarkan Polisi ini.
3. Semua notis yang perlu diberikan oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat mestilah secara bertulis dan di alamatkan ke Cawangan atau Agensi Syarikat yang terdekat manakala pindaan pada terma - terma Polisi ini mahupun pengendorsan yang terdapat padanya tidak akan dianggap sah melainkan jika pindaan-pindaan tersebut ditandatangani oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.
4. Tertakluk kepada kewajipan pendedahan Pihak Diinsuranskan yang berkaitan jika cadangan atau pengisytiharan dari Pihak Diinsuranskan itu adalah tidak benar dari mana-mana segi atau jika ada sebarang fakta matan yang mempengaruhi risiko tidak dinyatakan dengan betul dalam Polisi ini ataupun ditinggalkan daripadanya, ataupun jika Insurans ini atau pembaharuan Insurans ini dilakukan melalui sebarang salah nyataan, salah gambaran atau penyelindungan ataupun jika tuntutan menguatkan tuntutan tersebut, maka apabila ini berlaku Polisi ini boleh terbatal, tuntutan ditolak atau dikurangkan, terma ditukar atau diubah atau kontrak ditamatkan.
5. Sebaik sahaja berlaku sesuatu kemalangan yang berkemungkinan menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis kepada Syarikat dengan butiran lengkap tentang kemalangan tersebut dan kecederaan dalam masa empat belas (14) hari selepas berlakunya kemalangan, serta mendapatkan dan mematuhi nasihat perubatan. Pihak Diinsuranskan (atau wakil peribadi guamannya) hendaklah atas perbelanjaan Pihak Diinsuranskan itu sendiri mengemukakan semua maklumat, sijil dan bukti yang mungkin diperlukan oleh Syarikat dan Pihak Diinsuranskan hendaklah pada bila-bila masa yang diperlukan semunasabahnya menghadirkan diri untuk pemeriksaan perubatan bagi pihak Syarikat.

Sekiranya berlaku kematian ke atas Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal,

Syarikat berhak untuk mendapatkan ujian bedah siasat lebih lanjut atas perbelanjaan Syarikat dan notis harus diberikan kepada Syarikat sebelum persemadian atau pembakaran berlangsung dengan menyatakan masa dan tempat sesuatu penyiasatan kematian itu akan diadakan.

6. Semua tuntutan yang berada di bawah Polisi ini hendaklah dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti yang disebutkan dalam Syarat 4 di atas.
7. Pampasan bagi kematian dan belanja perubatan Pihak Diinsuranskan atau ahli keluarganya yang terdekat boleh dibayar kepada Pihak Diinsuranskan atau wakil guamannya (jika Pihak Diinsuranskan belum berkahwin, ahli keluarganya adalah ibubapa serta adik-beradiknya dan jika Pihak Diinsuranskan telah berkahwin maka ahli keluarganya adalah pasangan dan anak-anaknya). Semua pampasan lain Polisi ini yang boleh dibayar kepada Pihak Diinsuranskan atau ahli keluarganya yang terdekat boleh juga dibayar terus kepada Pihak Diinsuranskan/ penunggang motosikal dan/atau penumpang yang tercedera ataupun kepada wakil guaman Pihak Diinsuranskan/ penunggang dan/atau pembonceng motosikal tadi di mana penerimaan pampasan ini merupakan pelepasan sepenuhnya ke atas apa-apa tuntutan bagi kecederaan atau kematian Pihak Diinsuranskan/penunggang motosikal dan/atau pembonceng motosikal tersebut.
8. Syarikat mempunyai kebebasan pada bila-bila masa dengan memberi notis empat belas (14) hari kepada Pihak Diinsuranskan melalui surat berdaftar ke alamat terakhir Pihak Diinsuranskan yang diketahui oleh Syarikat untuk menamatkan atau membatalkan Polisi ini dengan syarat Syarikat, sekiranya ini terjadi, membayar balik kepada Pihak Diinsuranskan bahagian premium yang boleh dikadarkan sejajar dengan tempoh insurans ini yang belum tamat. Polisi ini juga boleh dibatalkan oleh Pihak Diinsuranskan dengan memberi notis empat belas (14) hari kepada Syarikat dan dalam hal ini, Pihak Diinsuranskan berhak mendapatkan pemulangan premium menurut kadar jangka pendek Syarikat bagi masa Polisi ini sedang berkuatkuasa dalam Tempoh Insurans semasa. Skala bagi kadar jangka pendek berikut hendaklah diguna pakai:

Tempoh	Bayar Balik
Kurang 1 minggu	7/8 – daripada premium tahunan
Kurang 1 bulan	3/4 – daripada premium tahunan
Kurang 2 bulan	5/8 – daripada premium tahunan
Kurang 3 bulan	1/2 – daripada premium tahunan
Kurang 4 bulan	3/8 – daripada premium tahunan
Kurang 6 bulan	1/4 – daripada premium tahunan
Lebih 6 bulan	Tiada

9. Polisi ini akan luput/tamat pada waktu tengah malam (waktu piawai Malaysia) pada hari terakhir Tempoh Insurans ini. Polisi ini akan luput/tamat pada tarikh ulang tahun Polisi yang jatuh selepas hari lahir ke lapan puluh (80) tahun Pihak Diinsuranskan.
10. Dalam kejadian sekiranya Pihak Diinsuranskan telah melupuskan Kenderaan Dinamakan seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual** sama ada melalui jualan atau pemindahan hak milik, Polisi ini akan berhenti berkuatkuasa dan Syarikat akan membatalkan Polisi dan Pihak Diinsuranskan berhak mendapatkan pemulangan premium bagi Tempoh Insurans belum berakhir berdasarkan kadar jangka pendek Syarikat di atas permintaan bertulis daripada Pihak Diinsuranskan dan penyerahan Polisi asal.
11. Polisi ini, dan semua hak, kewajipan dan tempoh liabiliti yang timbul daripadanya akan ditakrif dan ditentukan dan boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa yang eksklusif terhadapnya. Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti boleh diketengahkan bagi mendapatkan pemulihan bagi Polisi ini sebelum berakhirnya tempoh sembilan puluh (90) hari selepas

bukti tuntutan telah difailkan bersamaan dengan keperluan Polisi ini.

12. Semua premium haruslah dibayar dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke hospital dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia dan membuat bayaran dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, Syarikat akan mengganti kerugian Pihak Diinsuranskan atau wakil peribadi guamannya dalam Ringgit Malaysia berdasarkan pada kadar tukaran yang disebutkan (kadar pasaran terbuka, tetapi jika pasaran terbuka itu bukan pasaran bebas, maka kadar rasmi hendaklah digunakan) pada tarikh Pihak Diinsuranskan keluar dari hospital.
13. Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis kepada Syarikat atas setiap perubahan terhadap nama, alamat, perniagaan atau pekerjaan. Pihak Diinsuranskan juga hendaklah memberi notis sebelum pembaharuan Polisi ini dilakukan tentang apa-apa kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kehilangan upaya yang dialami atau diketahui oleh Pihak Diinsuranskan.
14. Syarikat berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini dan pindaan tersebut terhadap Polisi ini hanya boleh berlaku jika dibenarkan oleh Syarikat dan disahkan dengan pengendorsan.

## 15. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

### (a) Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Pihak Diinsuranskan memohon Insurans ini **sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan**, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang Pihak Diinsuranskan ketahui ada berkaitan dengan keputusan Syarikat menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini akan menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

### (b) Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4 (1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Pihak Diinsuranskan memohon Insurans **bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan**, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Pihak Diinsuranskan tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini akan menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

- (c) Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Syarikat dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

## 16. CUKAI BERKENAAN

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "**Cukai Berkenaan**") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang

Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj- caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

## NOTIS PENTING

### 1. TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Ini adalah syarat khusus dan mutlak kontrak insurans ini bahawa premium harus dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipenuhi, maka kontrak insurans ini akan batal secara automatik.

## FAEDAH TAMBAHAN

Tertakluk kepada terma, pengecualian, proviso dan syarat-syarat yang terkandung dalam Polisi ini, perlindungan yang diperuntukkan di bawah Polisi ini akan diperluaskan kepada keadaan-keadaan yang yang diperuntukkan dibawah ini bagi Pihak Diinsuranskan:

- 1. PA – CL004 – MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM**  
Kekacauan, rusuhan atau rusuhan umum atau mana-mana orang yang berniat jahat yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi politik, dengan syarat bahawa faedah ini tidak sah sekiranya Pihak Diinsuranskan mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang mengganggu ketenteraman awam.
- 2. PA – CL005 – RAMPASAN**  
Rampasan yang menyalahi undang-undang atau mengambil alih kawalan secara tidak sah ke atas pesawat udara atau kenderaan awam.
- 3. PA – CL006 – PEMBUNUHAN YANG TIDAK DIPROVOKASI DAN SERANGAN**  
Pembunuhan yang tidak diprovokasi dan serangan.
- 4. PA – CL010 – LEMAS AKIBAT ASAP, WAP DAN GAS BERACUN**  
Lemas akibat asap, wap dan gas beracun.
- 5. PA – CL011 – MEMBURU DAN MENDAKI GUNUNG**  
Memburu (kecuali memburu secara besar-besaran) dan mendaki gunung (tanpa menggunakan tali atau pemandu arah) untuk tujuan rekreasi sahaja.
- 6. PA – CL016 – SUKAN AMATUR (KECUALI SENI MEMPERTAHANKAN DIRI DAN TINJU)**  
Permainan sukan dalaman atau luaran sebagai amatur, kecuali seni mempertahankan diri dan tinju.
- 7. PA – CL024 – BANJIR, RIBUT DAN GEMPA BUMI**  
Banjir, taufan, siklon, ribut, ribut petir, gempa bumi, gunung berapi, letusan atau konvulsi alam semulajadi.
- 8. PA – CL063 – KERACUNAN MAKANAN ATAU MINUMAN**  
Keracunan makanan atau minuman.
- 9. PA – CL064 – SUKAN AIR**  
Aktiviti-aktiviti sukan air: Luncur air, sukan kapal layar, sukan luncur ombak dan menyelam sebagai amatur.
- 10. PA – CL065 – AKTIVITI-AKTIVITI DALAM AIR/SELAM SKUBA (SEHINGGA 50 METER)**  
Aktiviti-aktiviti dalam air yang melibatkan penggunaan peralatan pernafasan/selam skuba (sehingga 50 meter).

- 11. PA – CL066 – PERMAINAN POLO DAN TERJUNAN BUNGEE**  
Bermain polo dan terjunan bungee sebagai amatur.
- 12. PA – CL078 – KEMALANGAN LEMAS ATAU HAMPİR LEMAS**  
Kemalangan lemas atau hampir lemas.
- 13. PA – CL080 – SENGATAN SERANGGA, PATUKAN ULAR DAN GIGITAN BINATANG**  
Sengatan serangga, patukan ular dan gigitan binatang tidak termasuk penyakit atau penyakit yang disebabkan oleh parasit, bakteria atau virus yang dibawa oleh serangga seperti nyamuk dan seumpamanya, ular atau binatang.

Polisi ini dan syarat-syarat harus diperiksa dan jika salah sila kembali serta-merta untuk pindaan.



Kepilkan Jadual Di Sini

Mukasurat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong

## Penyerahan Aduan



Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehpercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami.


Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:


### Secara bertulis:

Pusat Maklumbalas Pelanggan, Allianz Arena, Tingkat Bawah Blok 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

 1 300 22 5542

  AllianzMalaysia

 customer.service@allianz.com.my

 allianz.com.my

## Saluran untuk Penyelesaian Aduan

Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) jika anda tidak berpuas hati dengan balasan atau keputusan akhir kami sekiranya aduan anda berada di dalam skop OPK serta ambang monetari berikut:

(1) Tuntutan insurans tidak melebihi RM250,000.00; dan

(2) Kerosakan harta pihak ketiga bagi tuntutan insurans motor tidak melebihi RM10,000.00.

### OFS boleh dihubungi di alamat berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, Level 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

 03 2272 2811

 03 2272 1577

 enquiry@ofs.org.my

 www.ofs.org.my


Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:

### Secara Bertulis (BNMTELELINK):

Pengarah, LINK & Pejabat BNM, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.


### Secara Bersemuka (BNMLINK):

Tingkat Bawah, Blok D, Bank Negara Malaysia, 50480 Kuala Lumpur.

 1 300 88 5465

 03 2174 1515

 bnmtelink@bnm.gov.my

 www.bnm.gov.my

Anda boleh merujuk dengan Pusat Maklumbalas Pelanggan kami mengenai jenis aduan yang dikendalikan oleh OPK atau BNM sebelum mengemukakan aduan anda kepada mereka.

**Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad** 200601015674 (735426-V)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.  
Pusat Hubungan Pelanggan Allianz: 1 300 22 5542 Emel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)   AllianzMalaysia  [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

